

Pelita



Brunei

T.B.P., K.B.

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN KERAJA'AN NEGERI BRUNEI
DUA KALI SA-BULAN

Tahun 3 No. 8

1 hbl. June, 1958.

DYMM SULTAN DAN RAJA ISTERI BRUNEI DI-PEMBUKA'AN RESMI SEKOLAH
MELAYU RAJA ISTERI FATIMAH



ANTARA KEPUTUSAN PERMASHUARATAN LAMBAGA BANDARAN BRUNEI

Lambaga Bandaran Brunei, apakala telah melangsungkan persidangan-nya pada 21hbl. May yang lalu ini telah meluluskan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada orang ramai; dan hanya menantikan persetujuan dari pihak yang tertinggi.

Tiang2 Lampu Elektrik Baru

Tiang2 lampu elektrik yang baru telah pun sudah di-dirikan menggantikan tiang2 elektrik yang lama; dan ini adalah akan menambahkan keamatan kawasan bandaran dan juga kukuh bentok-nya.

Ini ada-lah satu perubahan yang meninggikan taraf ke'ada'an kawasan perbandaran.

Tempat2 Menaruh Besikal

Tempat2 berhenti kereta2 dan menyimpan besikal yang sekarang bertempat di-Jalan Sultan dan di-kawasan pasaran akan di-kurangkan besar-nya.

Dalampada itu tempat menaruh besikal akan segera dibuat dan di-tempatkan di-kawasan pasaran itu.

PERTUNJOKKAN LUKISAN2

Sa-orang pelukis yang terkemuka, Mr Simon C. Yew, M. B.E. dari Jesselton telah menunjokkan lukisan2-nya di-bilik Bacha'an Jabatan Pengerangan Kerajaan Brunei di-Bandar Brunei berturut2 pada 29 dan 30hbl. May baharu lalu ini.

terbang. Tujoh puluh keping lukisan2 yang di-tunjokkan-nya itu semua-nya pemandangan2 di-Brunei dan di-Borneo Utara dan kesemua-nya di-lukis dengan warna ayer.

Maka dengan langkah ini akan berkurang-lah kesulitan2 traffic; memperlebarkan jalan untuk lalu lintas kereta2 dan menempatkan tempat yang khas untuk besikal2, tidak berchampur gaul dengan kereta2 berjentera.

Penempatan Tok Pekong

Akhir-nya telah di-ambil keputusan bahawa tapak untuk membangunkan Tok Pekong China ia-lah di-Jalan Kianggeh, berhadapan dengan Power Station.

Taman Hiboran Kanak2

Taman Hiboran Kanak2, dulunya telah di-chadangkan supaya bertempat di-antara Jalan Roberts dan Jalan Chevalier dan wang untuk membeli alat2 tempat kanak2 bermain2 sudah pun di-sediakan.

Oleh kerana tempat yang di-chadangkan ini tidak ada kosong, maka Lambaga tersebut menchari jalan supaya memperbaiki Taman Hiboran Kanak2 yang bertempat berdekatan dengan Rumah Sakit itu.

Mr Simon tiba dari Jesselton pada 27hbl. May dan telah balek kelanjarin dengan kapal

SULTAN MENYAMPAIKAN PINGAT2 DAN SIJIL2 DI-RUMAH SAKIT - -

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dengan di-iringi oleh Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim telah berangkat ka-Rumah Sakit Besar Bandar Brunei kerana menyampaikan pingat2 dan sijil2 kepada beberapa jururawat2 dan dresser2 pada petang 24hb1. May, 1958, ia-itu pingat2 dan sijil2 lulus dalam latehan2 yang mereka telah masoki.

Di-Rumah Sakit, sebelum menyampaikan pingat2 dan sijil2 tersebut, Baginda terlebih dahulu di-bawa melawat ka-bilek2 orang2 sakit dan sesudah itu baharu-lah Baginda berangkat ka-bilek latehan dresser2 dan jururawat2 di-mana Baginda telah menyampaikan tanda2 kelulusan tersebut dan sesudah itu memberi sadikit titah.

- BOMB2 DI-JUMPAI DI-BERAKAS

Dua butir bomb yang lama telah di-jumpai baharu2 ini di-kawasan Sekolah Melayu Berakas.

Bomb2 itu satu2-nya telah di-jumpai di-tepi jalan raya berhadapan dengan sekolah Berakas dan di-tepi sa-buah anak sungai juga tidak jauh dari sekolah itu; ia-itu berhampiran dengan tapak Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei.

Police telah melawat tempat itu dan menjumpainya.

Orang ramai ada-lah dari itu di-beri amaran supaya jangan dekat ka-tempat2 itu sahingga bomb2 itu di-pindah dari tempat2 yang ia di-jumpai ka-tempat lain.

Antara lain, Baginda telah menguchapkan satinggi bahniah kepada sekalian yang berjaya dan sabalek-nya berharap kepada yang maseh didalam latehan akan belajar bersungguh2 untok juga menchapai kejayaan yang sama.

Perkerja'an jururawat, sambahing Baginda, ada-lah sangat mulia dan besar guna-nya kepada musharakat umum. Kaya miskin sesabuah negeri itu, titah Baginda lagi, tidak akan menjadi makmor dan maju kalau tidak ada kesehatan.

Maka dengan itu-lah, Baginda menegaskan, dresser2 dan jururawat2 hendak-lah mengambil berat dan gemar dalam perkerja'an mereka serta menumpahkan segala pertolongan dan usaha kepada orang ramai yang sakit berubat baik di-Rumah Sakit maupun di-mana2 mereka di-jumpai menghendaki pertolongan.

HARI IBU BAPA DI-KILANAS MINGGU DEPAN, BERTURUT2 DUA HARI

Tanasha Hari Ibu Bapa Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas di-Daerah Brunei akan segera di-langsungkan berturut2 pada 7 dan 8 haribulan June akan datang ini dengan mengadakan upacara2 pertunjukkan dalam sekolah, malam gembera, peraduan membaca Qoran dan sukan. Ini ia-lah Hari Ibu Bapa yang ke-10 bagi sekolah tersebut.

Pada siang 7hbl. (Sabtu) achara ini di-mulakan dengan pertunjukan2 dalam sekolah, pada malam-nya tanasha Malam Gembera. Hari Ahad, ia-itu esok hari-nya tanasha Sukan dan pada malam-nya pula Per-tandingan Bacha'an Al-Qoran.

PEPEREKSA'AN GENERAL CERTIFICATE OF EDUCATION

Pepereksa'an General Certificate of Education yang pertama kali di-adakan di-Negeri Brunei akan di-mulai pada Hari Juma'at 6hbl. June yang akan datang ini berpusat di-Bandar Brunei, di-SOAS College.

Pepereksa'an tersebut akan berakhir hingga 7hbl. July, 1958.

Bagi chalon2 yang akan memasuki pepereksa'an ini, dengan ini di-maklumkan supaya mengambil ingatan datang ka-tempat yang di-sebutkan terakhir2 20 minit sebelum pepereksa'an itu berjalan, menurut waktu mata pelajaran yang ia ambil. Di-ingatkan juga segala chalon2 hendaklah bersedia dengan pen, 'da-wat, garisan dan getah pemadam, dan segala apa yang perlu di-gunakan dalam pepereksa'an itu.

Sifir2 mengenai ilmu kira2 akan di-beri nanti oleh guru yang menjaga waktu itu.

Perkakas2 science bagi chalon2 yang akan mengambil pepereksa'an praktik akan dipinjam dari perkakas2 yang di-SOAS College tersebut.

S.M. KUALA BALAI JOHAN

Sekolah Melayu Kuala Balai, di-Ulu Belait telah mendapat hadiah pertama bagi kedatangan budak2 sekolah yang terbaik tahun lalu; menyandang hadiah Perisai Kedatangan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Perisai tersebut telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengeran Penancha, mewakili Sultan kelamandin di-Sekolah itu.

Empat tahun berturut2 sebelum terpulang ka-sekolah ini perisai itu telah di-rebut oleh Sekolah Melayu Sungai Liang.

CHUNG CHING DAN CHUNG HWA MENANG TAHUN INI

Sekolah2 China Chung Ching, Seria dan Chung Hwa tahun ini telah berjaya memenangi hadiah Perisai Laillie Atherne dan Piala Perak Friends dalam pertandingan sukan antara sekolah2 di-bawah anjoran Brunei Amateur Athletic Association yang telah berlangsung pada 24hbl. May, 1958.



Sekolah China Chung Ching, Seria memenangi bagi pehak kanak2 perenpuan dan Sekolah China Chung Hwa, Brunei bagi pehak kanak2 lelaki yang dilahirkan samanjak 1941.

Satu lagi perisai untuk kanak2 lelaki yang tidak dihadkan umur-nya telah di-menangi oleh Sekolah Pertukangan, Seria. Dua hadiah pulang ka-Seria dan satu di-Bandar Brunei.

PEMANDANGAN2 DI-SEKITAR GABONGAN HARI IBU BAPA SEKOLAH2 MELAYU

DI-BANDAR BRUNEI YANG TELAH BERLANGSONG SIANG DAN MALAM

17 dan 18hb1. MAY, 1958



DARJAH URUSAN RUMAH TANGGA

Sa-buah Darjah Urusan Rumah Tangga akan di-buka semula pada awal bulan ini, di-tempatkan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei. Darjah ini terbuka kepada orang ramai, orang2 dewasa.

Guru yang mengajar-nya ialah Che gu Rohani; akan mengajar dalam sulam menyulam tangan, membuat bunga kertas, masak2an dan lain-nya.

Sesiapa yang ingin memasuki darjah ini dari itu di-minta berhubung dengan Supervisor Sekolah2 Melayu Bandar Brunei, Pengeran Momin bin Pengeran Othman di-Sekolah Melayu SMJA, Brunei tidak lewat dari bulan ini.

Bayaran untuk masuk belajar ialah \$2.00 tiap2 satu panggal bagi sa-orang, dan dalam panggal itu pun wang itu akan di-kembalikan semula jika di-dapati kedatangan sa-orang pelajar itu lebih dari 80%.

JUNAIDI MENGAJAR DI-BRUNEI

Corporal Junaidi dari Pancharagam Police, Sarawak telah tiba di-Brunei dengan kapal Bolkiah bersama2 dengan pelumba2 Brunei setelah mengambil bahagian dalam perlumba'an motor sangkut di-Kuching baharu2 ini.

Di-Brunei, Junaidi akan bertugas mengajar di-Sekolah Pancharagam Police, Brunei selama enam bulan.

BALEK BERCHUTI

Penuntut2 dari Brunei yang menuntut di-College Islam, Klang, Malaya telah tiba di-Brunei pada 28hb1. May yang lalu dari Singapura kerana dalam percutia College tersebut.

Mereka itu berbilang seramai 5 orang, dan sa-orang lagi di-jangka akan tiba tidak berapa lama lagi.

---o o oo O oo o o---

HIB SEKOLAH DATO GANDI

Sekolah Melayu Dato Gandi telah menyambut tamasha Hari bu Bapa sekolah itu pada 30 dan 31hb1. May yang lalu.

Pada siang 30hb1. mulai dari jam 9.30 pagi achara pertunjukkan dala sekolah, permainan di-padang dan di-laut dari jam 1.30 petang dan pada malam-nya pula mulai dari jam 7.30 tamasha sandiwara.

Achara2 pada 31 hb1. ialah pertandingan Bacha'an Al-Qoran, Bang dan Bacha'an Fatimah mulai pada jam 2.30 petang.

Pasokan Palang Merah British, Bandar Brunei kelayarin dulu (30hb1.) telah mengadakan istiadat menerima ahli2 baharu di-hadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan

MEMPELAJARI BAHASA2 DAERAH -

Dua orang Paderi akan tiba dari Kuching ka-mari-pada 3hbl. June akan datang ini. Paderi2 itu di-Brunei nanti akan ditemani oleh Awangku Sharifuddin yang sekarang maseh dalam latehan-nya di-Museum, Kuching, telah tiba di-Brunei pada 30hbl. May yang lalu atas kemahuan dari Tuan Curator Museum Sarawak Tom Harrison, akan mempelajari Bahasa2 Daerah: Belait, Tutong, Dusun, Bisaya dan Bahasa Murut di bawah anjoran "The Asian Foundation and British Embassy di-Manila".

Paderi2 itu ia-lah Father Ardenta dan Father Bernard.

ooooooooo

MASHUARAT AGONG SOASCOSA -

Persekutuan Murid2 Tua Sultan Omar Ali Saifuddin College (SOASCOSA) telah melangsungkan permashuaratan Agong-nya pada 24hbl. May yang lalu bertempat di-SOAS College, di-buka dengan resmi-nya oleh Tuan Principal College tersebut L.A. Bradshaw.

Antara lain2 yang telah di-binchangkan, mashuarat ini telah mensahkan perlantekan2 Jawatan Kuasa2 Baharu:

Yang Dipertua - Yahya Yussuf, Naib Yang Dipertua - Mohammad Ja'afar bin Noordin, Setia Usaha Kehormat - Awangku Mohiddin bin P. Tajuddin, P. Setia Usaha - Dayangku Intan binte P. Apong, Penyimpan Wang Kehormat - Abidin Abd. Rashid, Setia Usaha Sukan - Sharbini bin Taha, P. Setia Usaha Sukan - Abdul Aziz And. Latif, Pemereksa Kira2 - Abd. Rahman bin Abd. Kahar dan Penolong-nya ia-lah Miss Magdalene Chiu.

Ahli2 Jawatan Kuasa ia-lah: Miss Jusnani binte Lawi, Mohd. Ali bin Daud, Zakaria bin Sulaiman dan Ideris bin Tahir.

Hari Jadi Queen
 PANCHARAGAM POLICE BRUNEI
 KELUAR KALI II
 Pancharagam Police,
 Brunei akan dapat disaksikan keluar kerana menyambut Hari Keputeraan Baginda Queen Elizabeth II, ia-itu kali kedua Pasokan itu keluar dengan bunyi2an-nya.
 Keluar-nya kali pertama pada waktu menyambut ketiba'an Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi bagi Brunei pada 30 dan 31hbl. March tahun ini, di-Lapangan Terbang Brunei, dan juga ketiba'an Gubernur Borneo Utara.
 Hari Keputeraan Ratu itu akan di-raikan di Daerah Brunei pada 12hbl. June akan datang ini.

Jawatan Kuasa Agung Sambutan Istiadat Berkhatan Kerabat Diraja telah mengadakan persidangan-nya baharu2 ini bertempat di-Lapau, Bandar Brunei dengan di-pengurusikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Pemancha.

Majlis itu telah menerima laporan2 berkenaan upachara tersebut daripada Jawatan2 Kuasa Kechil Istiadat Berkhatan semua rancha2 atas dasar-nya yang telah diator itu.

Jawatan2 Kuasa Kechil Sambutan tersebut ada-lah di-minta menghantar jumlah belanja2 masing2 kepada Setia Usaha Agung Sambutan Istiadat Berkhatan Kerabat Diraja sebelum 4hb1. June, 1958.

AHLI2 JAWATAN KUASA PEMERHATI KAKI2 TANGAN KERAJA'AN

Telah di-adakan baharu2 ini satu Jawatan Kuasa untuk memerhatikan segala kaki2 tangan Kerajaan Brunei ke'ada'an pada tiap2 orang dan membuat laporan2 berkenaan-nya mengenai penggantian atau mengganti jawatan2 yang sekarang di-pegang oleh pekerja2 konterek oleh anak2 Brunei.

Ahli2 Jawatan Kuasa itu ia-lah:

Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim, Yang Berhormat Mr E.W. Cousens, Y.B. Pengeran Mohd. Yusuf, Y.B. Che'gu Marsal, Y.B. Pengeran Ali bin P. Haji Mohd. Daud, Y.B. Mr George Newn Ah Foott, Y.B. Pehin Laksamana Haji Mohammad Taha, Pehin Orang Kaya Digadong, Che'gu

Penerangan Gambar2 x keluaran ini:

1. Gambar kulit.

DYMM Raja Isteri sedang menerima satu bingkisan hadiah chendera mata dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah semasa melangsungkan pembuka'an resmi sekolah tersebut pada 15hb1. May. Di-sabelah kanan Baginda itu ia-lah DYMM Maulana Sultan sedang memerhatikan-nya.

2. Gambar muka 5.

atas - Isteri Yang Berhormat Tuan J.O. Gilbert sedang menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam perlakuan lumba perahu.

bawah - Pemandangan waktu Malam Gembara di-adakan. Kelihatan yang mengulung pencil itu ia-lah wakil Radio Brunei sedang ashik merakamkan achara2 malam itu untuk di-pancharkan melalui Radio Brunei.

Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Umar dan Che'gu Pengeran Hidup bin Pengeran Hashim.